

 JABATAN PERDANA MENTERI JABATAN AUDIT NEGARA FAKTA AUDIT	MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN) Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp)
<p>Skop Pengauditan</p> <p>Pengauditan dijalankan terhadap aktiviti pembangunan Projek Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT) dan Projek RTS Link meliputi pembangunan MRT1, MRT2 dan RTS Link bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023.</p> <p>Pengauditan ini juga melibatkan sembilan elemen amalan terbaik tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2021, 2022 dan 2023.</p> <p>Kenapa Perlu Diaudit</p> <p>Aktiviti utama MRT Corp dalam menyediakan infrastruktur pengangkutan awam memberi impak kepada rakyat (people-centric). Pembinaan MRT dapat membantu rakyat menikmati kemudahan pengangkutan awam yang lebih baik.</p> <p>Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan melalui modal berbayar berjumlah RM863 juta dan sumbangan berjumlah RM59.221 bilion yang telah dimodalkan sebagai ekuiti dalam MRT Corp setakat 31 Disember 2023.</p>	<p>Rumusan Audit</p> <p>MRT Corp telah mencapai objektif penubuhannya sebagai pemaju projek dan pemilik aset bagi MRT1 dan MRT2 mengikut mandat yang diluluskan oleh Kerajaan. Bagaimanapun bagi Projek RTS Link dan MRT3, pencapaian sebenar masih belum boleh dinilai kerana projek masih dalam peringkat pelaksanaan. Kedudukan kewangan MRT Corp bergantung kepada penerimaan sumbangan daripada Kerajaan bagi membina infrastruktur rel. Amalan tadbir urus korporat syarikat pula adalah pada tahap memuaskan.</p> <p>Penemuan Audit</p> <p>Bagi MRT1 dan MRT2, prestasi bilangan penumpang harian, bilangan tren beroperasi dan kekerapan perkhidmatan tren waktu puncak masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Skim Kereta Api MRT1 dan MRT2.</p> <p>Bagi MRT1, tiada pengauditan terhadap Kos Bayaran Balik setiap enam bulan selepas tahun 2013 dan Akaun Muktamad MRT1 belum ditutup walaupun projek telah siap serta beroperasi sepenuhnya sejak tahun 2017.</p> <p>Bagi MRT2, 84 (38.2%) daripada 220 kerja pembinaan yang belum disiapkan dan 22,114 kes berkaitan kerosakan direkodkan. Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) berjumlah RM3.17 juta tidak dikenakan terhadap kelewatan kontraktor bagi pakej kerja Depoh Jinjang.</p> <p>Empat daripada sembilan elemen tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya.</p> <p>Syor Audit</p> <p>Memastikan ketersediaan tren beroperasi menepati sasaran Skim Kereta Api supaya kekerapan jadual perjalanan dapat ditambah baik dan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.</p> <p>Memastikan Akaun Muktamad bagi MRT1 dapat ditutup.</p> <p>Memastikan terma kontrak berkaitan Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi MRT2 dipatuhi.</p> <p>Memastikan Projek RTS Link dan MRT3 dilaksanakan mengikut perancangan supaya objektif penubuhannya untuk menyediakan infrastruktur pengangkutan awam yang lebih baik tercapai.</p> <p>Mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat.</p>